

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 26 JUN 2023  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 1

Warga asing 'kawal' ekonomi negara

# Warga asing 'kawal' ekonomi negara

Oleh FAHMI FAIZ  
fahmi.faiz@mediamula.com.my

**PETALING JAYA:** Hampir semua sektor ekonomi berasaskan rangkaian bekalan dan pengeluaran makanan negara 'dikawal' warga asing apabila kebanyakan majikan terpaksa bergantung sehingga 80 peratus kepada tenaga kerja orang luar.

Perkara itu berterusan dan warga asing kini bukan hanya

Orang tempatan tidak minat kerja ladang, perikanan, ladang ayam, pasar borong

bekerja sebagai buruh tetapi semakin ramai berjaya usahakan kebun sayur sendiri

dan mula menguasai sektor runcit untuk membekalkan barangan keperluan kepada penduduk sekitar.

Contoh, sektor sawit, Malaysia yang membekalkan 39 peratus daripada seluruh bekalan minyak sawit dunia, memerlukan 80 peratus atau 400,000 warga asing daripada 500,000 tenaga kerja bagi industri itu.

Menurut laporan Organisasi Antarabangsa bagi Migran (IOM)

di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berjudul *The Cost of Hope: Stories of Migrant Workers in Palm Oil Plantations in Malaysia*, sektor sawit yang menggunakan lebih 70 peratus daripada semua tanah pertanian seluruh negara iaitu sebanyak 2.3 juta hektar kini diusahakan 80 peratus warga asing.

**Bersambung di muka 2**